

KIT BILIK DARJAH

Membuka AI Generatif Dengan Selamat dan Bertanggungjawab

Selepas *ChatGPT* dilancarkan pada November 2022, AI Generatif menjadi salah satu topik yang paling hangat diperkatakan. Dengan kemunculan aplikasi AI baharu yang hebat, ternyata teknologi ini berpotensi untuk membuka peluang yang luas dalam bidang pendidikan. Sebagai pendidik, kami mengiktiraf peranan penting anda dalam mengetengah, meneroka dan mengajar AI Generatif di dalam bilik darjah.

Kami berbesar hati membentangkan kepada anda kit AI bilik darjah yang instruktif iaitu tentang bagaimana menggunakan AI Generatif dengan kaedah yang selamat dan bertanggungjawab kepada pelajar. Microsoft komited dalam memperkasakan golongan muda dengan kemahiran literasi digital dan daya tahan untuk menggunakan teknologi baharu secara bertanggungjawab dan selamat, sebagai sebahagian daripada pendekatan kepada AI Bertanggungjawab. Sumber ini telah dibangunkan secara perkongsian dengan Cyberlite, syarikat sosial yang mahir dalam keselamatan siber, kesejahteraan digital dan pendidikan AI di Singapura.

SUMBER

Kit AI ini direka bentuk untuk pendidik yang mengajar pelajar berumur 13 hingga 15 tahun. Ia bertujuan untuk memperkenalkan AI Generatif dengan cara yang mesra dan mudah diakses, membina daya tahan di kalangan golongan muda dengan menggambarkan risiko kepada keselamatan dan kesejahteraan mental yang dikaitkan dengan AI. Ia menekankan bahawa AI, walaupun berguna tetapi tidak sempurna. Sumber ini boleh berfungsi sebagai titik permulaan perbincangan tentang faedah dan risiko AI, walaupun di sekolah anda masih belum menggunakan aplikasi AI.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Pelajar akan dapat:

- Menghuraikan asas AI Generatif dan menangani batasan teknologi.
- Menggunakan pelbagai teknik *prompt* kejuruteraan untuk mendapatkan output yang dikehendaki.
- Menerangkan kepentingan menyemak fakta kandungan yang dijana AI.
- Menghuraikan kepentingan melindungi data peribadi dan privasi semasa menggunakan aplikasi AI.
- Menilai potensi output yang dijana AI bersifat berat sebelah serta implikasinya.
- Menyedari bahawa AI Generatif ialah aplikasi dan bukan teman sosial serta memahami kesejahteraan digital untuk memastikan penggunaan digital yang sihat.

CADANGAN STRUKTUR PELAJARAN


Pembentangan PowerPoint telah distrukturkan kepada seksyen utama untuk membolehkan pendidik memberi tumpuan kepada elemen yang berbeza serta rentak pembelajaran yang sewajarnya.

Anda mungkin mendapati adalah lebih baik untuk memecahkan kit AI ini kepada 20-30 minit pembelajaran untuk membincangkan satu seksyen setiap sesi, dan memberi lebih banyak masa untuk faham dan refleksi secara kritis.

Seksyen

1. Pengenalan (20 minit)
2. Perjuangan Gina untuk Lautan (30 minit)
3. *Game On* dengan Alex (30 minit)
4. Kata Kunci untuk Pelajar (10 minit)

Anda juga akan menemui panduan aktiviti “Cuba Sendiri” yang tersedia di dalam kit AI, yang direka untuk menggalakkan pelajar meneroka pelbagai aplikasi AI. Walaupun aktiviti ini memperkayakan pengalaman, pelajar tidak perlu memenuhi objektif pembelajaran yang menyeluruh. Fleksibiliti inilah yang menjadikan kit AI sesuai untuk kegunaan bilik darjah tanpa mengira status sekolah anda dalam penggunaan aplikasi AI Generatif.



KANDUNGAN KIT AI

- Pembentangan Pembelajaran (PPTX)
- Perjanjian Bilik Darjah (PDF)
- Elemen *Prompt* yang Baik (PDF)

CARA MENGGUNAKAN KIT AI

Penyampaian pelajaran ini direka untuk digunakan di bilik darjah dan membolehkan guru memimpin pelajar secara kolektif sebagai satu kelas. Dokumen ‘Perjanjian Bilik Darjah’ dan ‘Elemen *Prompt* yang Baik’ berfungsi sebagai sumber tambahan yang memberi tambahan di luar pembentangan.

PERJANJIAN BILIK DARJAH

Perjanjian bilik darjah bertujuan untuk menetapkan peraturan asas dan jangkaan penting berkaitan penggunaan aplikasi AI Generatif dalam pembelajaran. Kami menggalakkan anda untuk membimbing pelajar dalam mematuhi perjanjian ini dan menyetujui dengan jelas dalam persekitaran pembelajaran. Sila pastikan anda juga mematuhi dasar AI serta garis panduan yang diluluskan pihak institusi.

PERINGATAN PENTING

Sentiasa ingat bahawa walaupun kit AI ini menyediakan kandungan pembelajaran yang berharga, namun ia hanyalah sebagai titik permulaan. Galakkan pelajar anda untuk berfikir secara kritis, bertanya soalan dan meneroka di luar kandungan kit AI.